




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **97 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **51,429 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu di daerah Keningau. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Pada hari ini, seramai 170 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 49,538 orang. Pada hari ini, sejumlah 964 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 387 orang di hospital, 573 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tiga (3) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 62 orang dan 19 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Sipitang dan Kudat berubah dari zon merah ke zon jingga. Manakala daerah Beaufort bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, **tiada kluster** baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 97 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 52 kes (53.6%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 14 kes (14.4%), saringan kluster sedia ada 26 kes (26.8%), pra kemasukan wad / rawatan tiga (3) kes (3.1%) dan dua (2) kes (2.1%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,061 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 3,935 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 5,996 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 16.06%.
- 7 Pada hari ini, Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) SMK Abdul Rahim Kudat telah bertukar fungsi menjadi pusat kuarantin di bawah seliaan Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) Kudat.

B BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sehingga 15 Februari 2021, sejumlah **42,881** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 49 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 23,877 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 49 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, satu (1) tangkapan dibuat dan 34 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 75 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 311 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 77 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, APMM telah membuat satu (1) tangkapan di bawah Akta Imigresen 1959/63.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan satu (1) buah daerah iaitu daerah Kota Kinabalu.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 155 lokasi melibatkan 20 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 634 hebahan di seluruh Sabah.

D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **93%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	94%
2	Sandakan	94%
3	Beluran	94%
4	Kota Kinabalu	93%
5	Tuaran	93%
6	Penampang	93%
7	Semporna	93%
8	Kunak	93%
9	Kota Belud	93%
10	Kinabatangan	93%
11	Beaufort	93%
12	Sipitang	93%
13	Lahad Datu	93%
14	Keningau	93%
15	Kota Marudu	93%
16	Ranau	92%
17	Tawau	92%
18	Kudat	92%
19	Papar	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
15 Februari 2021**